


PROJEK INOVASI JPS MALAYSIA TAHUN 2013



JPS QR POST

KUMPULAN : RTB MSC



Kandungan	m/s
1. PENDAHULUAN.....	3
1.1 Nama Bahagian dan Latar Belakang.....	3
1.2 Fungsi dan tanggungjawab penubuhan.....	4
1.3 Saiz Organisasi.....	4
1.4 Carta Organisasi.....	5
1.5 Tajuk Projek.....	6
1.6 Ahli Kumpulan.....	6
2. PENGENALAN/ LATAR BELAKANG PROJEK INOVASI.....	7
3. TUJUAN PROJEK INOVASI.....	17
4 . PROSES PELAKSANAAN(KRONOLOGI).....	18
5 . IMPAK INOVASI TERHADAP KUMPULAN SASAR / PERKHIDMATAN/ JABATAN/AGENSI/NEGARA.....	21
5.1 Output.....	21
5.2 Penjimatan Masa.....	21
5.3 Peningkatan Produktiviti.....	21
5.4 Mesra Pelanggan.....	21
6. PENUTUP.....	12

1.0 PENDAHULUAN

1.1 Nama Bahagian : **Rancangan Tebatan Banjir Multimedia Super Corridor (RTB MSC)**

Penglibatan JPS MSC bermula apabila banjir berlaku dikawasan Cyberjaya setelah projek Mega MSC dilancarkan pada tahun 1996. Projek mega Multimedia Super Corridor (MSC) telah dilancarkan pada tahun 1996 bertujuan untuk mempercepatkan Malaysia melangkah ke era teknologi maklumat. Pembangunan MSC ini telah dirancang dalam tiga (3) fasa dan dijangka beroperasi sepenuhnya dalam masa 20 tahun. Dalam fasa pertama, dua buah bandaraya bijak (smart city) iaitu Putrajaya dan Cyberjaya akan dilaksanakan.

Keluasan kawasan MSC adalah 750km persegi yang meliputi 15km lebar dan 50km. Sempadan MSC disebelah utara adalah lebuh raya KESAS, di timur adalah lebuh raya Kuala Lumpur-Seremban, di barat pula adalah lebuh raya ELITE dan di selatan sehingga lapangan terbang KLIA. Pada peringkat awal pelaksanaan, beberapa kejadian banjir telah berlaku di kawasan Cyberjaya dan Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS) telah diminta untuk menyiasat dan seterusnya menyelesaikan masalah tersebut. Justeru itu, JPS telah melantik Juruperunding untuk menjalankan Kajian Pelan Induk Saliran Makro MSC yang bermula pada September 1998 dan telah disiapkan pada Julai 1999.

Skop Kajian meliputi mengkaji dan seterusnya menggubal satu pelan induk saliran makro yang komprehensif untuk menangani masalah banjir di seluruh kawasan MSC. Di dalam perancangan Pelan Induk Saliran ini, aspek-aspek estetik dan mesra-alam telah diberikan penekanan agar sistem saliran yang dibina tidak sahaja efisien tetapi juga mengekalkan suasana alam semulajadi yang nyaman dan indah. Faktor ini amat penting memandangkan MSC akan menjadi pusat perkembangan teknologi maklumat yang mempunyai suasana bekerja dan kehidupan (working and living environment) yang harmoni.

1.2 Fungsi dan Tanggungjawab Penubuhan

Antara skop kerja yang utama adalah pengurusan pengambilan balik tanah, perlantikan juruperunding untuk merekabentuk dan penyeliaan kerja-kerja pembinaan, pengurusan kontrak, penyelarasan keperluan antara agensi kerajaan dan swasta, dan penyelarasan pengalihan utiliti.

Aktiviti fizikal yang utama Projek RTB MSC ialah menaiktaraf sebelas (11) batang sungai sepanjang lebih kurang 144.4 km dan pelaksanaannya dibahagikan kepada tiga (3) fasa. Kos keseluruhan bagi Projek ini ialah sebanyak RM1.04 billion (rujuk Peta II).

Pelaksanaannya tiga fasa yang dirancang itu ialah seperti di bawah:


- i) Fasa I - Pelaksanaan Pelan Tindakan Segera (*Immediate Action Plan*) – Sungai-sungai yang terlibat ialah Sg. Rasau dan Sg. Parit Tampoi
- ii) Fasa II - Menaik Taraf Sungai - Sungai-sungai yang terlibat adalah Sg. Langat dan Sg. Jenderam.
- iii) Fasa III - Sambungan Kerja Menaik Taraf Sungai - Sungai-sungai yang terlibat adalah Sg. Langat, Sg. Labu, Sg. Semenyih, Sg. Bukit Tunggai, Sg. Chincang dan Sg. Air Hitam.

1.3 Saiz Organisasi

Kakitangan bagi pejabat RTB MSC adalah seramai 19 orang

1.4 Carta Organisasi

CARTA ORGANISASI PEJABAT PROJEK RANCANGAN TEBATAN BANJIR KORIDORAYA MULTIMEDIA (MSC) JABATAN PENGAIRAN DAN SALIRAN MALAYSIA



1.5 Tajuk Projek

Projek Inovasi menghasilkan penanda bagi menunjukkan struktur GPT (Perangkap Sampah) yang diselia oleh JPS yang diberi nama '**JPS QR POST**'.

1.6 Ahli -Ahli Kumpulan terdiri :

Ketua Kumpulan : En. Muhamad Rizuan Bin Yahaya

1. En. Khairuddin Bin Sulaiman
2. Puan Khadijah Bt Adam
3. Puan Fitrawati Bt Zakaria
4. En. Noor Azlan Bin Awaludin
5. En. Mohd Khairi Bin Samsuri
6. En. Omar Bin Osman
7. Tuan Megat Harun Al Rashid Bin Megat Idris
8. En. Khairul Anuar Bin Abas -
9. En. Djohan Ariff Bin Abd Rashid
10. Y.M Raja Mohd Isa Bin Raja Zulkifli

2. PENGENALAN / LATAR BELAKANG PROJEK INOVASI

Rancangan Tebatan Banjir MSC, Jabatan Pengairan dan Saliran Malaysia (JPS) telah dilantik selaku pejabat wakil Pengawai Penguasa bagi memantau dan menyelia bagi Projek Kerja-kerja Kawalan Kuantiti dan Kuantiti Air Sungai/Sistem Saliran bagi Sg. Klang (Pakej 4) dibawah program 'Economic Transformation Programme' (ETP) River of Life inisiatif 7. Tempoh pelaksanaan projek dijadualkan selama 18 bulan bermula dari 22 September 2011 sehingga 21 Mac 2013 (EOT sehingga 31 Ogos 2013). Lokasi projek bermula dari Empangan Klang Gate (Ch.9950) sehingga Lebuhraya DUKE (Ch.2350) sepanjang 7.6km.

Antara objektif projek ini adalah seperti berikut:

- i. Meningkatkan kualiti air sungai (Dari Kelas IV kepada Kelas IIB)
- ii. Mengurangkan masalah banjir di sekitar Sg. Klang
- iii. Mengawal hakisan tebing Sg. Klang
- iv. Mewujudkan persekitaran yang kondusif dan ke arah kesejahteraan hidup rakyat.

Diantara Skop-skop kerja yang dijalankan adalah :


- i. River widening and slope protection using VSME Wall – 14.4 km
- ii. **Gross Pollutant Traps – 119nos**
- iii. River Water Treatment Plant – 4 nos
- iv. River Revitalization of Eco Green Zone – 11 Zones
- v. Staff Quarters – 2 nos class F, 6 nos class G
- vi. SCADA

Berikut adalah bilangan kuantiti dan jenis yang dipasang di tapak bina :-


Senarai GPT Yang Dipasang	
Jenis GPT	Jumlah Di Pasang
1. Solid Interceptor	12 nos
2. NTVS	18 nos
3. CDS	62 nos
4. Downstream Defender	20 nos
5. Cleans All	7 nos
Total	119 nos

Jadual di atas menunjukkan bilangan GPT yang dipasang di kawasan perumahan sekitar Hulu Kelang iaitu Taman AU3, Taman AU2, Taman AU5, Taman Melati, dan Taman Melawati yang berjumlah keseluruhan 119 unit.


1. Continuous Deflective Separation (CDS)




2. Neutralising Turbulent Vortex System (NTVS)




3. Cleans All



4. Solid Interceptor (SI)



5 .Downstream Defender (DD)




Keadaan selepas siap bagi kerja-kerja GPT adalah menyerupai seperti 'manhole' kabel utility dan 'septic tank'. Pejabat ini mendapati penduduk-penduduk perumahan yang terlibat tidak mengetahui struktur binaan yang dibuat adalah GPT (perangkap sampah) milik JPS. Malah aduan yang diterima pejabat ini diketahui melalui Pihak Berkuasa Tempatan iaitu Majlis Perbandaran Ampang Jaya.

Sehubungan itu pejabat ini mengambil inisiatif mewujudkan penanda 'JPS QR POST' milik JPS seperti lampiran A.

LAMPIRAN A

JPS QR POST



Papan muka



BAHAN DAN CIRI-CIRI

- BAHAN
 - i. Getah
 - ii. Gentian Polimer
- CIRI-CIRI
 - i. Boleh di cat mengikut kesesuaian
 - ii. Boleh dialihkan atau dibina secara kekal
 - iii. Fleksibel

QUICK REFERENCE CODE (QR CODE)

Mengandungi:

1. No GPT (berdasarkan drawing)
2. Maklumat GPT- jenis
3. Lokasi
4. Kordinat
5. Tarikh dipasang
6. Maklumat Pejabat yang menyelia dan no tel
7. Tajuk projek dan no kontrak



Create QR Code

Create QR codes from different kinds of data, and download your code both in a rasterized (PNG) and vector format (PDF, SVG, EPS).
Feedback/suggestions? [Leave your message](#)

What do you want to turn into a QR code?

Regular text

Hyperlink
Phone number
Email address
meCard
vCard
WiFi settings

Regular text will not be interpreted by most QR readers, so it will just be displayed as it is.

No GPT (berdasarkan drawing)
Maklumat GPT- jenis
Lokasi
Kordinat
Tarikh dipasang
Maklumat Pejabat yang menyelia dan no tel
Tajuk projek dan no kontrak

Front color: 000000
Back color: FFFFFFFF

Scale: ☐ small ☒ medium ☐ large

Damage proof: (ECC level) ☒ low ☐ medium ☐ high ☐ maximum

☐ More options

CREATE

Download:

☒ PNG ☐ SVG ☐ EPS ☐ PDF

INSTANT GET ACTIVE QR CODES! 25% MORE SCANS

START NOW FREE

This QR code generator is based on the Zend Framework Matricode module which is developed and released as an open-source project. If you are a PHP developer looking for an easy way to integrate QR codes into your own website, you may want to [check it out](#).

©2013 Peter Mörbe

3. TUJUAN PROJEK INOVASI

Secara khususnya, objektif penghasilan penanda struktur GPT (perangkap sampah) ini adalah :


1. Mewujudkan identiti melalui penghasilan dan pemasangan penanda bagi menunjukkan struktur GPT yang diselia oleh JPS dan membezakan struktur GPT JPS dengan struktur lain yang menyerupai GPT tersebut.
2. Menyediakan informasi aduan Awam JPS untuk kemudahan orang ramai.
3. Menyediakan maklumat asas GPT melalui aplikasi teknologi telefon pintar 'quick reference code' (QR code) untuk kemudahan orang ramai dan pejabat penyelenggara dan pihak-pihak yang berkepentingan.

Penanda '*JPS QR POST*' ini dihasilkan melalui beberapa masalah dan isu yang timbul di tapak bina diantaranya adalah :

1. Penduduk-penduduk perumahan sekitar yang terlibat tidak mengetahui struktur binaan yang dibuat adalah GPT (perangkap sampah) milik JPS.
2. Struktur GPT adalah menyerupai seperti 'manhole' kabel utility dan 'septic tank' milik Syarikat Telekom dan Indah Water Konsortium.
3. Aduan yang diterima tidak secara terus melalui JPS yang menyebabkan kelewatan dalam mengambil tindakan.
4. Penduduk- penduduk perumahan sekitar menjadikan struktur GPT tersebut sebagai tempat meletak kenderaan.

4. PROSES PELAKSANAAN (KRONOLOGI)

Penghasilan idea produk inovasi ini bermula semasa peringkat pembinaan dimana bilangan GPT (perangkap sampah) yang dipasang di setiap saluran yang keluar ke sungai . Ia melibatkan sekitar kawasan di sepanjang Sungai Sering (1.1 KM), Sungai Gisir (1.5 KM) , Sungai Kemensah (0.9KM) dan Sungai Klang (7.6 KM).



Tujuan Pemasangan GPT tersebut adalah bertujuan memerangkap sampah dari setiap saluran yang keluar ke sungai yang boleh mengakibatkan kualiti air sungai tercemar.


Selepas pembinaan siap dan berfungsi sepenuhnya, pejabat ini telah menerima aduan hanya dari pihak Majlis Pemandaran Ampang Jaya (MPAJ) dimana pengadu disekitar kawasan yang terlibat tidak pasti struktur yang dibina dan beranggapan struktur berkenaan milik pihak MPAJ.

Pihak JPS juga mendapati struktur GPT tersebut menyerupai seperti 'manhole' kabel utility dan 'septic tank' milik Syarikat Telekom dan Indah Water Konsortium.

Pihak JPS juga menghadapi masalah dalam menjalankan pemeriksaan dan pemantauan dimana 119 unit bilangan GPT yang dipasang tidak mengandungi penanda khas milik JPS. malah struktur GPT tersebut dijadikan tempat letak kenderaan penduduk sekitar.



Gambar menunjukkan Struktur Jabatan Perkhidmatan Pembentukan (JPP) yang menyerupai struktur GPT yang dibina oleh JPS



Gambar menunjukkan struktur GPT yang dibina oleh JPS dijadikan tempat meletak kenderaan penduduk sekitar.

4.1 Keadaan Sebelum Inovasi

1. Aduan yang terima oleh pihak JPS adalah dari pihak berkuasa tempatan iaitu Majlis Pemandaran Ampang Jaya dan ia memakan masa yang lama untuk pihak JPS mengambil tindakan terhadap permasalahan yang berlaku pada struktur GPT tersebut.
2. Pejabat yang menyelia mengambil masa yang lama untuk memantau dan menyelia struktur GPT tersebut disebabkan kuantiti yang banyak dan jenis yang pelbagai yang dipasang di tapak.
3. Pengadu dari penduduk sekitar tidak pasti pihak yang bertanggungjawab terhadap struktur GPT tersebut sekiranya berlaku sebarang kerosakan atau kegagalan yang berlaku.
4. Kawasan sekitar struktur GPT tersebut dijadikan tempat meletak kenderaan yang mengakibatkan berlakunya kerosakan.

4.2 Keadaan Selepas Inovasi

1. Penduduk di sekitar struktur GPT dapat mengemukakan aduan secara terus kepada pihak JPS terhadap permasalahan yang timbul berikutan terdapat talian JPS careline yang dipaparkan pada produk inovasi tersebut (JPS QR POST).
2. Pejabat yang menyelia dapat menjalankan pemantauan dan pemeriksaan dengan mudah dan menjimatkan masa dengan mengimbas 'QR code' yang dipaparkan pada 'JPS QR POST' yang mengandungi maklumat berkaitan struktur GPT tersebut.
3. Logo Jabatan yang dipaparkan pada 'JPS QR POST' dapat memaklumkan kepada penduduk di kawasan sekitar struktur GPT tersebut bahawa ianya milik Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS)
4. Perkataan 'AWAS' yang dipaparkan pada 'JPS QR POST' dapat memaklumkan kepada penduduk untuk tidak mendekati atau meletakkan sebarang kenderaan pada struktur tersebut.

5. IMPAK INOVASI

5.1 Output

Penghasilan 'JPS QR POST' ini dapat membantu menyampaikan segala maklumat secara terus kepada pengguna/penduduk sekitar yang terlibat dan juga membantu pejabat yang menyelia dalam kerja-kerja pemantauan dan pemeriksaan struktur GPT tersebut.

5.2 Penjimatan Masa

Pegawai yang menyelia dapat menjimatkan masa untuk mendapatkan maklumat berkaitan struktur GPT tersebut dengan mengimbas 'QR Code' yang dipaparkan pada 'JPS QR POST' yang dipasang. Malah pengguna/penduduk di sekitarnya dapat mengemukakan permasalahan yang timbul kepada pihak JPS dengan cepat.

5.3 Peningkatan Produktiviti

Pejabat yang menyelia dapat mencapai piagam pelanggan bagi memberi respon terhadap aduan dalam masa 2 hari (48 jam). Malah pejabat yang menyelia dapat menguruskan penyelenggaraan dengan lebih efektif dan efisien.

5.4 Mesra Pelanggan

Maklumat yang dipaparkan boleh diakses untuk kemudahan pengguna/penduduk, pejabat penyelia dan pihak-pihak yang berkepentingan.

6.PENUTUP

Penghasilan 'JPS QR POST' adalah produk inovasi yang baru digunakan oleh JPS dimana pemasangannya adalah perlu memandangkan Pihak Berkuasa Tempatan seperti DBKL dan MPAJ juga memasang struktur GPT yang sama di kawasan mereka.

Dengan adanya penanda khas untuk pejabat JPS, ianya dapat membezakan struktur GPT dengan yang lain-lain. Selain itu produk 'JPS QR POST' ini dapat membantu pejabat menyelia melaksanakan tanggungjawab dengan efektif dan efisien dalam menyampaikan perkhidmatan kepada pengguna/penduduk secara terus.

'JPS QR POST' ini juga direkabentuk dengan kelebihan fleksibel dan tahan lama yang diperbuat dari getah . Oleh itu penggunaannya adalah bersesuaian pada struktur GPT tersebut bagi menjamin keselamatan dari sebarang risiko kerosakan dan kecurian. Produk ini wajar digunakan dalam memberikan perkhidmatan yang terbaik demi menjaga nama jabatan.